

Headline	UIAM pertahan gelaran		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 May 2012	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	324,097
Page No	62	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	372 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,686
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,058



UIAM pertahan gelaran

Tundukkan UUM, 5-4 pada saingan akhir Sirkuit 3 Zon Timur Liga Futsal Piala Menteri Pengajian Tinggi

UNIVERSITI Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mempertahankan kejuaraan kategori lelaki selepas menundukkan Universiti Utara Malaysia (UUM), 5-4 pada saingan akhir Sirkuit 3 Zon Timur Liga Futsal Piala Menteri Pengajian Tinggi, Ahad lalu.

Kejohanan empat hari itu berlangsung di Gelanggang Futsal Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Gong Badak, Kuala Terengganu.

Selaku juara, UIAM menjulang trofi dan wang tunai RM3,000 manakala UUM meraih RM2,000. Universiti Kolej Shahputra yang menduduki tempat ketiga menerima RM1,000 dan UniSZA, di tempat keempat, RM500.

Dalam kategori wanita, Politeknik Ungku Omar (PUO) muncul juara selepas menewaskan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), 2-1 menerusi penalti selepas permainan masa sebenar dan masa tambahan terikat 4-4.

PUO menerima wang tunai RM1,500 diikuti UMT RM1,000, Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) RM500, dan UiTM Pahang RM300.

Sementara itu, Abdul Qader Hisham Al-Hajjar dan Nurazwa Abdul Razak dinobatkan Pemain Terbaik Kejohanan bagi Kategori Lelaki dan Wanita.

Selepas tiga sirkuit, Politeknik Merlimau Melaka, UiTM dan UIAM masing-masing mengumpul 10 mata manakala Kolej Komuniti Pahang (KKP), Kolej Komuniti Se-

langor (KKS) serta UUM lapangan mata diikuti UMT, UMTEC JB dan Universiti Kolej Shahputra enam mata, Kolej Komuniti Pulau Pinang (KKPP), Universiti Multimedia (MMU) dan UniSZA) empat mata.

Penyampaian hadiah dilakukan Ahli Lembaga Peng-

arah UniSZA, Datuk Mokhtar Nong. Turut hadir Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniSZA, Shahzol Hazmi Azizan dan Pengarah Pusat Sukan UniSZA, Riduan Mohamed Arof.

Selepas ini, sirkuit 4 Zon Sabah akan berlangsung di Gelanggang Futsal BSA Kolombong selama empat hari bermula 24 Mei.



MILIK KAMI...pemain bergambar dengan replika hadiah dimenangi.